

NTU universiti muda terbaik dunia - 4 tahun berturut-turut

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) telah disenaraikan sebagai universiti muda terbaik di dunia bagi tahun keempat berturut-turut.

Menurut ranking terkini Quacquarelli Symonds (QS) bagi 50 universiti terbaik dunia yang dibina kurang 50 tahun lalu, NTU kekal di tangga pertama, diikuti dengan Universiti Sains dan Teknologi Hongkong dan Institut Lanjutan Sains dan Teknologi Korea.

NTU kekal di tangga teratas kerana reputasi cemerlangnya dalam kalangan majikan dan ahli akademik antarabangsa, serta kepelbagaian populasi pelajar dan fakulti.

Ia juga mencatat markah tinggi bagi kata-kata pujian (*citation*) bagi setiap fakulti.

Ranking tersebut didedahkan semalam.

Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson berkata: "NTU bukan mengekalkan kedudukannya sebagai universiti muda nombor satu dunia sahaja, malah menganjakkan dirinya ke tangga ke-11 dalam senarai liga utama, kurang satu tangga daripada senarai 10 universiti terbaik dunia.

"NTU akan terus memberi keutamaan dalam mempertingkatkan mutu pendidikan, kajian dan program inovasi kita."

Mengulas tentang rantau ini, beliau berkata:

"Universiti muda STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) Singapura, Hongkong dan Korea Selatan menyerlah sebagai antara universiti yang semakin meningkat nama di Asia Pasifik dan mereka sudah bersedia menjadi kuasa masa depan dunia dalam pendidikan tinggi dan kajian.

"Sedang ekonomi dinamik Asia terus mengetuai pertumbuhan sejagat, pendidikan tinggi akan memainkan peranan lebih penting dalam pembangunan rantau ini dan NTU sudah bersedia untuk mengharungi ombak kemajuan ini."

Ranking tahunan itu berdasarkan enam petanda, termasuk mutu kajian, mutu mengajar, reputasi dalam kalangan majikan dan penilaian kepelbagaian sejagat dalam kalangan fakulti dan pelajar.

QS menyatakan senarai liga universiti muda direka untuk mengetengahkan potensi dan keceMERLANGAN universiti yang tidak mempunyai reputasi mantap yang berdekad atau berabad lamanya.



**TERUS
MENYERLAH:** NTU kekal di tangga teratas kerana reputasi cemerlangnya dalam kalangan majikan dan ahli akademik antarabangsa, serta kepelbagaian populasi pelajar dan fakulti. — Foto fail